

Persekitaran Bersih Hidup Ceria

Hal. Buku Teks: 34

PBD 2 Aspek Tatabahasa

Gariskan kata kerja aktif transitif atau kata kerja aktif tak transitif yang betul untuk melengkapkan ayat-ayat di bawah.  5.1.2(i)

1. Selepas makan ubat demam dan selesema, Rajiv masuk ke biliknya lalu (tidur, duduk).
2. Jit Wen menegur hadif kerana dia tidak menutup mulut dan hidungnya ketika (makan, bersin).
3. Cikgu Afani selalu (berpesan, beringat) kepada murid-muridnya supaya sentiasa menjaga kebersihan diri.
4. Zara (mengelap, mencuci) tangannya dengan air sabun sehingga bersih untuk mengelakkan jangkitan kuman.
5. Kita hendaklah (mengamalkan, menjalankan) gaya hidup sihat agar dapat hidup dalam suasana yang sejahtera.
6. Syakirah (berbahas, bercerita) tentang Kempen Kesihatan dan Kebersihan yang diadakan di sekolahnya.
7. Pekerja di gerai makan itu (menutup, menjaga) makanan yang dihidangkan di atas meja itu agar tidak dihinggap lalat.
8. Aznil dan Haziq (mengelap, menggilap) tingkap supaya tidak berhabuk, manakala Shalini dan Maya menyapu sampah.
9. Encik Kamal yang baru pulang dari pejabatnya sedang (bertugas, berehat) di ruang tamu sambil menonton televisyen.
10. Ayah membawa Hadif (berjumpa, bertegur) dengan doktor untuk melakukan pemeriksaan kesihatan.
11. Pihak sekolah akan (merasmikan, menganjurkan) pertandingan kelas terbersih pada minggu hadapan.
12. "Saya (berpesan, berharap) agar adik kamu yang menghidap penyakit tangan, kaki, dan mulut itu cepat sembuh," kata Min Lee kepada Sarah.



Tahap Penguasaan:

1

Sangat Terhad

2

Terhad

3

Memuaskan

4

Baik

5

Sangat Baik

6

Cemerlang

Disemak oleh: _____

15



UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

Tema 1 Kemasyarakatan

Tema 2 Kesihatan dan Kebersihan

Kertas ujian ini mengandungi empat bahagian utama: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Jawab semua soalan.

Masa: 1 Jam 15 minit

BAHAGIAN A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Haziq tidak dapat mengikut _____ ke perpustakaan awam esok kerana dia pulang ke kampung datuknya," kata Rajiv kepada Hadif.

A dia C kami
B kita D mereka

2. Kita hendaklah menjaga jarak penglihatan semasa _____ buku demi menjaga kesihatan mata kita.

A menyusun C membaca
B menghafal D menulis

Soalan 3

3. Pilih ayat yang betul.

A Hari Keluarga Taman Impian disambut dengan meriah sekali.
B Adelia makan dua papan ubat demam yang diberikan oleh doktor.
C Kami sekeluarga makan makanan yang berkhasiat agar menjaga kesihatan.
D Sebagai ketua kampung, dia sentiasa mengambil berat akan masalah yang dihadapi penduduk.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini, Persatuan Penduduk Taman Impian menganjurkan program Senaman Beritma. Program ini diadakan di Taman Rekreasi Taman Impian. Penduduk telah memberikan kerjasama untuk menjayakan program tersebut.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menerapkan budaya senaman serta memberikan pendedahan tentang pentingnya senaman dalam kalangan masyarakat. Kegiatan kecergasan ini diperkenalkan kepada masyarakat untuk melahirkan masyarakat yang cergas dan cerdas. Kaedah senaman beritma merupakan aktiviti senaman yang menggabungkan gerakan tarian serta berlatarkan muzik aerobik.

Set 1

4. Apakah tujuan program Senaman Beritma diadakan?
- A menerapkan budaya senaman dalam kalangan masyarakat
 - B memberikan pendedahan tentang pentingnya senaman dalam kalangan masyarakat
 - C menerapkan budaya senaman serta memberikan pendedahan tentang pentingnya senaman dalam kalangan masyarakat
 - D memberikan kerjasama untuk menjayakan program Senaman Beritma
5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
- A Para penduduk yang telah menganjurkan program Senaman Beritma.
 - B Program Senaman Beritma diadakan di Taman Rekreasi Taman Impian.
 - C Penduduk kurang memberikan kerjasama untuk menjayakan program Senaman Beritma.
 - D Persatuan Penduduk Taman Impian tidak terlibat dalam program ini.
6. Berikut adalah tentang penganjuran program Senaman Beritma *kecuali*
- A program ini diperkenalkan dalam kalangan penduduk Taman Impian sahaja.
 - B Program Senaman Beritma dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Taman Impian.
 - C Program Senaman Beritma dapat melahirkan masyarakat yang cergas dan cerdas.
 - D senaman beritma ialah gabungan gerakan tarian serta berlatarkan muzik aerobik.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Masyarakat di negara ini sering mengadakan rumah terbuka untuk menyambut pelbagai perayaan. Misalnya, sambutan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, dan sebagainya. Perayaan-perayaan ini disambut dengan meriah pada setiap tahun oleh rakyat Malaysia.

Penduduk setempat yang terdiri daripada pelbagai kaum akan *hadir* dan saling membantu untuk menjayakan program rumah terbuka tersebut. Mereka akan bekerjasama memasang khemah, menyusun meja dan kerusi, memasak lauk-pauk, menghias pentas, dan sebagainya. Melalui program ini, penduduk yang berbilang kaum dapat berkenalan dan beramah mesra antara satu dengan yang lain.

BAHAN 2

Jemputan ke Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri

Anjuran Persatuan Penduduk Taman Impian

Tarikh : 27 April 2024 (Sabtu)

Masa : 12:30 tengah hari hingga 5:00 petang

Tempat : Pekarangan Dewan Komuniti
Taman Impian



Semua kaum dijemput *hadir*.
Semoga kehadiran anda akan memeriahkan lagi majlis ini.

7. Tujuan rumah terbuka diadakan adalah untuk
- A menyambut Hari Raya Aidilfitri.
 - B menyambut pelbagai perayaan.
 - C memeriahkan sesuatu perayaan.
 - D memperkenalkan pelbagai perayaan.
8. Mereka akan bekerjasama memasang khemah, menyusun meja dan kerusi, memasak lauk-pauk, menghias pentas, dan sebagainya.
- Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A biji.
 - B helai.
 - C buah.
 - D pasang.
9. Perkataan *hadir* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan
- A terbit. C muncul.
 - B wujud. D datang.
10. Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.
- A Antara perayaan yang disambut di Malaysia ialah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, dan Deepavali.
 - B Penduduk tidak berpeluang untuk berkenalan dan beramah mesra semasa hadir ke rumah terbuka.
 - C Majlis rumah terbuka itu akan berlangsung dari pagi hingga petang.
 - D Hanya kaum Melayu dijemput hadir bagi memeriahkan majlis tersebut.

Set 1